



# INFOKUS UMT

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

[www.umt.edu.my](http://www.umt.edu.my)

SEPTEMBER 2013 Bil. 46

*Let's Talk &  
Let's Go Global*

*Setiu Wetlands  
State Park*

**UMT Rai  
Anak-anak Yatim**

**Naib Canselor  
UMT Terima dua  
Anugerah**

ISSN 1675 - 2139



9 771675 213002

ISSN 1675 - 2139

## Dari Minda Ketua Pengarang



*"Ketika kita diberi wibawa, seluruh tubuh masih upaya, tutur bicara menggegarkan minda, usah kita titis aniaya kerana kita semua punya rasa dan usah kita alpa bahawa kesemuanya adalah milik Dia. Jika kita mempermudah kesukaran orang lain, insyaAllah kehidupan kita juga akan dipermudahkan-Nya".*

(Noraien Mansor, September 2013)

**A**ssalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia. Syukur Alhamdulillah kerana kita masih diizinkan-Nya untuk bertemu dalam INFOKUS UMT edisi SEPTEMBER 2013. Masih belum terlambat untuk siding redaksi mengucapkan Salam Aidil Fitri dan Salam Kemerdekaan kepada semua pembaca setia yang masih merayakannya.

Ramadhan telah berlalu, Syawal melambai pergi, Merdeka kita hayati. Penghayatan kita di bulan yang mulia akan lebih bermakna jika

kita terus menghayatinya untuk keamanan dan kesejahteraan agama, bangsa dan negara. Kadang kala kita alpa dengan kekhilafan yang sengaja atau tidak disengajakan. Kita lupa tanpa menilai apa yang mereka rasa akibat kekhilafan kita. Namun apa jua yang berlaku adalah dugaan kehidupan yang memerlukan ketabahan. Jika keesokannya kita masih mampu untuk bangun, bangkitlah dengan kekuatan dan harapan untuk meneruskan kehidupan. Semaikan keikhlasan dan kejujuran walau di mana jua kita menapak kerana ianya adalah tunggak kebahagiaan kehidupan. Sentiasa berusaha untuk menabur kebaikan, kebaikan hati dan perasaan, nescaya kebaikan juga yang akan kita terima. Usah kita bangga dengan harta yang kita ada kerana ia bukan milik kita...usah kita bangga dengan kehebatan diri kita kerana itu dugaan belaka...usah kita aniaya sesama kita kerana balasan pasti menerpa...justeru bentuklah hati yang mulia untuk kita, mereka dan dunia....

**INFOKUS UMT** adalah nama baharu melambangkan informasi yang difokuskan di UMT setiap kali penerbitan dihasilkan. Fokus utama penerbitan artikel dan berita merangkumi program transformasi ilmu, program tanggungjawab sosial, kecemerlangan penyelidikan dan aktiviti atau peristiwa yang mengharumkan nama universiti di peringkat nasional dan antarabangsa. Ia juga melambangkan aspirasi sebuah universiti berfokus yang meneroka bidang kelautan demi kelestarian sejagat.

**PROF. MADYA DR. NORAIEN MANSOR**

## SIDANG REDAKSI

### Penaung

YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo

### Penasihat

YBhg. Prof. Dr. Mohd. Effendy Abd. Wahid

### Ketua Pengarang

Prof. Madya Dr. Noraien Mansor

### Editor

Rabil Sitta Abdul Rahman  
Mohd Izham Mohd A. Wahid  
Harisom Anida Musa

### Pembaca Pruf

Nur Aminah Azhar

### Pereka Grafik

Mohd Fadli Abdullah  
Rozliana Mat Hussin

### Jurufoto

Mokhtar Ishak  
Muhamad Adli Hashim  
Krew Produksi

### Penyumbang Bahan

Pejabat Pendaftar  
Pejabat Bendahari  
Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah  
Pusat Pembangunan Holistik Pelajar  
Fakulti Sains dan Teknologi  
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan  
Fakulti Pembangunan Sosial  
Fakulti Perikanan dan Akua-Industri  
Pusat Pengurusan Penyelidikan  
Institut Oseanografi dan Sekitaran  
Institut Bioteknologi Marin  
Pusat Pembangunan Sosio Ekonomi  
Pusat Pengurusan Teknologi Maklumat  
Pusat Pembangunan Bakat Akademik  
Pusat Pembangunan Holistik Pelajar  
Pusat Perancangan dan Pembangunan Akademik  
Penerbit UMT  
Pusat Inovasi dan Pemandahan Ilmu  
Pusat Jaringan Penyelidikan ECER  
Pusat Kesihatan Pelajar



Hak Cipta Terpelihara © 2013. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Penerbit UMT, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia.

**“Untuk mencapai kejayaan yang gemilang, kita perlu menyintai diri dan menghormati rakan di sekeliling kita. Menyintai diri bererti memberikan perhatian tinggi kepada keperluan intelek, fizikal, emosi dan spiritual”.**



Asslamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh dan Salam Sejahtera,

**S**empena menyambut Syawal, bulan kemenangan dan kegembiraan ini, izinkan saya mengucapkan ‘Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin’. Syukur atas rahmat dan peluang yang diberikan sehingga kita semua berjaya mengharung bulan Ramadan Al-Mubarak dengan penuh kejayaan. Marilah kita membaharui azam dan iltizam, supaya UMT terus dicucuri rahmat kecemerlangan, dan warganya diberikan kekuatan untuk terus meneroka ilmu dan menyampaikan pengetahuan yang bermanfaat kepada masyarakat, bangsa dan negara.

Untuk mencapai kejayaan yang gemilang, kita perlu menyintai diri dan menghormati rakan di sekeliling kita. Menyintai diri bererti memberikan perhatian tinggi kepada keperluan intelek, fizikal, emosi dan spiritual. Penyelidikan sepanjang hayat merupakan cara terbaik mengasah keupayaan intelek, dan bersukan serta menjaga pemakanan pula dapat menjamin tahap kesihatan yang baik. Perasaan sayang kepada keluarga, sahabat handai



dan pelajar, serta bersyukur kepada pemberian Ilahi tentunya dapat menstabilkan emosi dan meningkatkan keinsafan.

Menghormati rakan ialah apabila kita mengenali isi hati mereka, menghargai kelainan mereka, dan percaya kita perlu berkongsi kekuatan untuk mencari dan menyumbang ilmu. Dan akhirnya, untuk menjadi manusia yang berwibawa, berguna dan dihormati masyarakat.

Sebagai pemimpin tertinggi UMT, kami percaya jalan lurus yang dicari oleh seluruh warga kampus ialah kecemerlangan diri dan kekuatan pasukan ilmuwan dan awak-awaknya dalam mengharungi samudera yang luas terbentang. Jika kita bersatu hati, pastinya bahtera UMT yang tercinta ini berjaya menimba dan menabur ilmu untuk kesejahteraan bumi dan masyarakat sejagat.

**PROF. EMERITUS DATO' DR. IBRAHIM KOMOO**  
Naib Canselor UMT

# Program Transformasi Ilmu - pencetus semangat keberanian berkomunikasi


oleh: Prof. Madya Dr. Noraien Mansor | Penerbit UMT



Program Perdana *LET'S TALK AND LET'S GO GLOBAL* Memperkasa Komunikasi Bahasa Inggeris telah diilhamkan oleh Prof. Madya Dr. Noraien Mansor, pensyarah bahasa Inggeris dan juga Pengarah Penerbit UMT untuk menyahut kelangsungan idea daripada Menteri Pendidikan II, YB Dato' Seri Idris bin Jusoh yang mencadangkan agar program transformasi ilmu antara universiti dan sekolah direalisasikan untuk memperkasa kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Program ini melibatkan 13 buah sekolah di sekitar Kuala Terengganu untuk tempoh enam bulan bermula daripada Julai hingga Disember 2013. Seramai enam orang pensyarah bahasa Inggeris Universiti Malaysia Terengganu yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Noraien Mansor sendiri telah ditugaskan untuk mengendalikan 260 orang pelajar Tingkatan 4 sekolah berkenaan melalui pelbagai aktiviti dan medium pengajaran dan pembelajaran berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dengan kaedah yang santai dan menarik.



"Program ini adalah program pertama yang diadakan selepas penyatuan dua buah kementerian," ujar Menteri Pendidikan II, YB Dato' Seri Idris bin Jusoh.



Menteri Pendidikan II, YB Dato' Seri Idris bin Jusoh ketika menyampaikan ucapan perasmian.



Menteri Pendidikan II, YB Dato' Seri Idris bin Jusoh menyempurnakan upacara perasmian sambil diiringi oleh Naib Canselor UMT, YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo dan Pengarah Program, YBrs. Prof. Madya Dr. Noraien Mansor.

Umum mengetahui bahawa program bahasa Inggeris amat dialu-alukan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Program *LET'S TALK AND LET'S GO GLOBAL* menyahut hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia yang menyarankan pihak universiti dan sekolah bergabung kepakaran untuk memperkasakan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar. Menurut YB Dato' Seri Idris bin Jusoh, Menteri Pendidikan II, "Penggabungan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi kepada Kementerian Pendidikan Malaysia mampu melaksanakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Dengan penggabungan ini, kos akan berkurangan dan program juga tidak ada duplikasi. Ia akan memberi manfaat kepada rakyat dan kerajaan secara tidak langsung". Beliau menambah, "Kementerian juga sentiasa terbuka untuk bekerjasama dengan pelbagai pihak untuk kajian dan transformasi demi pembangunan pendidikan negara terutama dalam penguasaan bahasa Inggeris". Justeru amat jelas dengan langkah pertama yang diambil oleh UMT, jurang pemisah antara IPT dan sekolah tidak wujud dengan terlaksananya Program Perdana *LET'S TALK AND LET'S GO*

*GLOBAL* Memperkasa Komunikasi Bahasa Inggeris. Tambahan pula Program Perdana *LET'S TALK AND LET'S GO GLOBAL* Memperkasa Komunikasi Bahasa Inggeris menjadi pemangkin kepada usaha menyahut seruan kerajaan untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar bermula di peringkat sekolah menengah dengan mempertingkatkan keyakinan diri mereka.

*LET'S TALK AND LET'S GO GLOBAL* dilaksanakan dengan tujuan utama untuk memperkasa kemahiran komunikasi bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar

sekolah menengah di samping melaksanakan program transformasi ilmu peringkat universiti dan sekolah. Program ini juga bertujuan untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan masyarakat khususnya pelajar sekolah menengah mengenai kepentingan penguasaan berkomunikasi dalam bahasa Inggeris sebagai bahasa perhubungan di peringkat global serta menanam elemen berakhlak mulia melalui pelbagai aktiviti memperkasa bahasa Inggeris. Paling utama adalah untuk menanam semangat keberanian dalam kalangan pelajar sekolah untuk berkomunikasi dalam bahasa



Sebahagian daripada pelajar Tingkatan Empat sekolah-sekolah sekitar Kuala Terengganu yang terlibat sebagai peserta Program Perdana *LET'S TALK AND LET'S GO GLOBAL* Memperkasa Komunikasi Bahasa Inggeris.



Sebahagian pelajar yang begitu teruja menjadi peserta Program Perdana *LET'S TALK AND LET'S GO GLOBAL* Memperkasa Komunikasi Bahasa Inggeris.

Inggeris. Program perdana ini akan memfokuskan kepada kemahiran berkomunikasi, kemahiran berfikir secara kritikal, kemahiran mendengar, membaca dan juga menulis.

Program Perdana LET'S TALK AND LET'S GO GLOBAL Memperkasa Komunikasi Bahasa Inggeris dilaksanakan berdasarkan beberapa justifikasi yakni untuk menyebarkan kemahiran penguasaan komunikasi bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar sekolah, mempertingkatkan keyakinan diri dalam kalangan pelajar untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris, membantu meningkatkan prestasi sekolah-sekolah yang terlibat, mewujudkan hubungan universiti dan sekolah dalam aspek perkembangan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar sekolah. Penganjuran program ini merupakan salah satu langkah pemindahan ilmu daripada pihak universiti kepada masyarakat setempat khususnya kalangan pelajar sekolah. Penganjuran program ini secara tidak langsung akan menjadi pemangkin kepada usaha

menyahut seruan kerajaan untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar bermula di peringkat sekolah menengah.

Adalah diharapkan program ini akan diperluaskan ke seluruh IPTA dan sekolah-sekolah menengah di Malaysia, diperluaskan pelaksanaannya dengan melibatkan

sekolah-sekolah menengah terpilih di luar negara sebagai sekolah angkat, seperti di United Kingdom melalui pemeteraian MoU di peringkat global. Perluasan rangkaian di peringkat global akan memberi ruang komunikasi berbahasa antara pelajar tempatan dan antarabangsa.



Sebahagian daripada tetamu jemputan yang hadir di majlis perasmian.



Menteri Pendidikan II, YB Dato' Seri Idris bin Jusoh sempat menguji keupayaan pelajar berkomunikasi dalam bahasa Inggeris.



*Pengetua-pengetua sekolah dan Pegawai-pegawai Utama UMT bergambar bersama Menteri Pendidikan II, YB Dato' Seri Idris bin Jusoh.*

UMT amat berterima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia yang memberi ruang dan kepercayaan dalam usaha untuk melaksanakan tanggungjawab universiti kepada komuniti. Majlis perasmian Program Perdana *LET'S TALK AND LET'S GO GLOBAL* Memperkasakan Komunikasi Bahasa Inggeris telah dianjurkan pada 22 Jun 2013 bertempat di Dewan Sultan Mizan, UMT dengan kehadiran 600 jemputan. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Menteri Pendidikan II, YB Dato' Seri Idris bin Jusoh. Program ini adalah anjuran UMT dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu dan Jabatan Penyiaran Malaysia.

Antara tetamu yang turut hadir di majlis perasmian tersebut ialah; Naib Canselor UMT, YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo, Pengarah Program, YBrs. Prof. Madya Dr. Noraien Mansor, Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu, En. Zakaria Hussin dan Pengarah Jabatan Penyiaran Terengganu, Pn. Azizah Mohd Yusoff. Turut hadir memeriahkan majlis ialah Timbalan-timbalan Naib Canselor UMT, Pengarah Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik, Jabatan Pengajian Tinggi, Pengetua-pengetua sekolah, Ketua-ketua Sektor Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu, guru-guru dan pelajar-pelajar sekolah.



*Naib Canselor UMT, YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo menyampaikan cenderamata kepada Menteri Pendidikan II, YB Dato' Seri Idris bin Jusoh.*



*Menteri Pendidikan II, YB Dato' Seri Idris bin Jusoh menyampaikan cenderamata dan sijil penghargaan kepada Pengarah Jabatan Penyiaran Terengganu, Pn. Azizah Mohd Yusoff.*

# Majlis Sambutan Aidifitri 1434 H UMT meriah Bersama anak-anak yatim

oleh: **Mohd Izham Mohd A. Wahid** | Pejabat Pendaftar  
**Harisom Anida Musa** | Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah



**U**MT terus mendekati komuniti sekitar kampusnya melalui pelbagai program yang dianjurkan sepanjang tahun. Bersempena bulan Syawal 1434 H ini, tradisi berhari raya di antara warga UMT dan masyarakat setempat diteruskan lagi. Majlis sambutan Hari Raya Aidifitri telah dianjurkan pada 27 Ogos 2013 bagi menyemarakkan semangat keharmonian dan kemesraan di bulan Syawal yang penuh kemuliaan ini.

Majlis sambutan Hari Raya Aidifitri ini yang diadakan di Dewan Sultan Mizan, bermula sebaik ketibaan Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo, yang hadir bersama isteri, YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Norzaini Azman.

Ucapan beliau dalam majlis tersebut menyentuh mengenai konsep "Nilai Bersama" dan "Saling Menghormati Kepelbagaian" yang perlu ada dalam diri setiap insan. Perbezaan yang wujud itu menjadikan manusia itu unik. Setiap orang mempunyai kekurangan dan







kelebihan tersendiri di samping pengalaman hidup yang berbeza. Manakala, dalam dunia akademik pula kepelbagaian bidang kepakaran ahli akademik adalah berbeza dan kepelbagaian ini harus saling dihormati dan saling didokongi dalam menghayati nilai kebersamaan ke arah membina akademik berbudaya cemerlang.

Beliau turut melahirkan rasa bangga kerana warga UMT dapat bersama untuk mengumpul sejumlah duit raya sebanyak RM8250.00 untuk diagihkan kepada 150 orang anak-anak yang kurang bernasib baik pada majlis tersebut. Kumpulan anak-anak yatim ini terdiri dalam kalangan anak-anak staf UMT serta anak-anak yatim komuniti berhampiran kampus UMT seperti dari kawasan Mengabang Telipot, Tok Jembal, Teluk Ketapang, Seberang Takir dan juga Gong Badak. Sambil mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada warga UMT di atas segala keprihatinan ini,



beliau berharap semoga dengan adanya sedikit sumbangan tersebut, ia dapat membantu anak-anak ini untuk menampung kos perbelanjaan harian, perbelanjaan buku, kelengkapan sekolah dan sebagainya.

Majlis ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran YB Dato' Haji Ahmad Razif bin Abdul Rahman,

Ahli Lembaga Pengarah UMT, para tetamu jemputan daripada pelbagai agensi kerajaan dan korporat. Rakan Media yang banyak menyokong dan mempromosikan program-program UMT, turut hadir dan diraikan dalam majlis ini.

Semoga majlis ini akan terus menjadi program tahunan utama UMT pada masa yang akan datang.

# Naib Canselor UMT Terima Dua Anugerah

oleh: Munira Iskandar | Pejabat Naib Canselor

*Seri Paduka Baginda  
Yang di-Pertuan Agong  
berkenan menyampaikan  
Anugerah Alumni SMSAH  
2013 kepada Naib Canselor  
UMT.*





*Naib Canselor UMT, Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim bin Komoo menerima Geoscientist Award 2013 daripada President Geological Society of Malaysia, Prof. Dr. Joy Jacqueline Pereira.*

**J**asa dan sumbangan beliau kepada negara terus mendapat perhatian dan penghargaan daripada pelbagai pihak. Baru-baru ini, Naib Canselor UMT, Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim bin Komoo telah menerima Anugerah Alumni Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim (SMSAH) 2013 dan Geoscientist Award 2013.

Anugerah Alumni SMSAH 2013 yang julung kali diberikan ini adalah pengiktirafan ulung kepada beliau sebagai salah seorang bekas pelajar SMSAH yang telah berjaya mengharumkan nama sekolah, negeri dan negara selepas menamatkan pengajian. Penerima anugerah ini akan diabadikan di "Walk of Fame" Alumni SMSAH yang akan dibina di sekolah tersebut. Pengiktirafan ini disampaikan oleh Seri Paduka



*Naib Canselor UMT, Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim bin Komoo menyampaikan ucapan selepas menerima Geoscientist Award 2013.*

Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Alhaj Abdul Halim Muadzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah sempena sambutan Jubli Emas SMSAH di Majlis Santapan Malam Jubli Emas SMSAH yang

berlangsung di Dewan Wawasan Jitra, Kedah pada 30 Jun 2013.

Manakala pada 8 Julai 2013, beliau telah dianugerahkan Geoscientist Award 2013 oleh Persatuan Geologi Malaysia atas sumbangan ulung beliau dalam bidang geosains. Anugerah ini merupakan penghargaan terhadap sumbangan beliau sebagai seorang sarjana, penyelidik dan malim pendidik terbilang dalam geologi kejuruteraan tropika, inovasi geologi pemuliharaan terutamanya geopark negara dan dunia, dan pembangunan lestari utilisasi sumber bumi tanpa musnah.

Majlis Penganugerahan Geoscientist Award 2013 ini diadakan bersempena perasmian National Geoscience Conference 2013 di Kinta Riverfront Hotel & Suites, Ipoh.

# Setiu Wetlands

## STATE PARK-CHALLENGING

### Task for UMT

by: Dr. Jamilah Mohd Salim @ Halim | Head, Setiu Wetlands Research Station

Terengganu is blessed with a stretch of more than 240 km coastline decorated by picturesque white sandy beaches and traditional fishing villages. Moving further north of Kuala Terengganu will bring us to Setiu district which is famous for its 14-km stretch of lagoon parallel to its coastline. Despite covering a reasonably large land mass area of 135,905.80 ha (about 10.5% of Terengganu total land cover), Setiu is the lowest populated district in Terengganu, only occupied by about 54,000 people mainly of Malay ethnic, followed by a small number

of Chinese, Indian and others.

Setiu Wetlands or Tanah Bencah Setiu (in Malay) is an unofficial term referring to Setiu and its major ecosystem, the wetlands (freshwater *Melaleuca* swamp, estuarine, lagoon and river). Setiu Wetland is consisted of nine major interconnected habitats; sea, beach, mudflat, lagoon, estuary, river, islands, coastal forest and mangrove forest making up ecosystem components covering a wetland basin of 23,000ha of land and 880ha of water body. It is believed that this term is made popular by local scientist and

academician who have worked in Setiu. Now this term is widely accepted as it has appeared in many academic publications and local newspapers. It is even pleasantly used by the locals of Setiu to proudly describe his or her place.

Open sea of South China Sea forms a marine habitat and subsequently followed by a dynamic coastal or beach habitat supporting coastal vegetation comprised of Rhu (*Casuarina equisetifolia*) and a common coastal strand vegetation such as Beach Morning Glory (*Ipoemea pes-caprae*), Ketapang

(*Terminalia catappa*) and others.

Further inland from the coast, a mixed coastal forest of stunted vegetation dominates sandy soil originated from a marine deposit material. This type of soil is addressed as 'tanah beris' or 'tanah bris' by Terengganu locals which refer to an acronym of BRIS for 'Beach Ridges Interspersed with Swales'. It is suggested that BRIS soil is a huge land area under the sea formed 6000 years ago. Through time and geological process, under water land area arises and its movement is preserved as an alternate of ridge and swales parts.

Swales part of BRIS soil is a depression area that tends to retain rainwater and become waterlogged, particularly in monsoon months. Depression area forms a palustrine wetland, a seasonal freshwater swamp mainly occupied by Gelam (*Melaleuca cajuputi*). Therefore, this swamp is also called Gelam swamp, one of the rarest types of wetland in Malaysia and again should be an asset to coastal area of Terengganu, particularly Setiu. Gelam grows on both ridge and depression formations on BRIS soil, but it performs better in the waterlogged condition, which explains its domination in this swamp. It is an indigenous tree species from Myrtaceae family, of which Kelat (*Syzygium* spp.) and Jambu (*Eugenia* spp.) are grouped. It also shares the same family as highly commercialized Australian Tea Tree, *Melaleuca alternifolia*.

Besides Gelam itself, this swamp is also inhabited by an adapted plant species such as carnivorous plants, *Nepenthes* spp., *Drosera* spp. and *Utricularia* spp. This swamp is also inhabited by a number of freshwater ornamental fishes, which can potentially be commercialized.

In contrast to swales part, soil on the ridge part is characterized by low water retention, thus, this part of BRIS soil is supporting plants of which are adapted to dry and sandy conditions. Here low stature and shrubby Gelam is associated with other plant species such as Jambu Laut (*Syzygium grande*), Gelam

Tikus (*Syzygium gratum*), Kelat Samak (*Syzygium palenbanicum*), Beruas (*Garcinia hombroinia*), Kemunting (*Rhodomyrtus tomentosa*), Cucur Atap (*Baeckea frutescens*), Mas Cotek (*Ficus deltoidea*), Periuk Kera (*Nepenthes* spp.) and other small herbs like orchids, ferns and aroids. Wild orchid can be observed blooming in heath vegetation of Setiu, particularly in Lembah Bidong, where more than fourteen varieties of commercial orchids (*Doritis* sp.) could be found.

Low soil nutrients and harsh physical environment on the ridge part of BRIS soil resulted in stunted and clumping dispersion of plant. This distinct view is typical for 'heath' type of vegetation which is common and abundant in temperate region like Europe and Australia. In the tropic, usually heath vegetation is confined to high elevation such as at the mountain top and on specific poor soil type like ultramafic and limestone. Thus, the occurrence of heath vegetation on BRIS soil is particularly unique to Terengganu.

Although BRIS soil supports low diversity of plants, this natural ecosystem is still important for supporting well adapted plants which may hold specific genetic materials and value. There is a vast potential in genetic materials of these plants that are adapted to arid conditions. Their tissues commonly contain high secondary metabolites used to defend themselves from

natural pest and enemies. As the soil and water resources are scarce, their tissues are heavily defended with chemical defenses. Biological interactions among plant species on BRIS soil are intense, for example, many plants are epiphytic, parasitic and myrmecophytic.

Intertidal mudflat another type of wetland in Setiu concentrates in the lagoon areas is formed when mud is deposited by tides and rivers. The mudflats are exposed and submerged alternately in a day. The mudflat is important for migratory birds as it supports organisms like crabs, mollusks and fishes which are food sources for the birds. Mollusks collected from mudflats contribute to additional income for the locals of Setiu besides main activities of fishing.

One of the most important and well studied wetland ecosystems in Setiu is mangroves. Here, mangroves can be classified into three zones (tide-dominated fringing mangrove forest, river-dominated riverine mangrove forest and interior basin mangrove forest). Vegetation compositions of these three zones are determined primarily by the proportion of salt and fresh water and soil texture. For example, Nipah (*Nypa fruticans*) is abundant in mangrove area where freshwater is much more than salt water. In contrast, in the mangrove zone where sea water is more and subjected to tidal, Berembang (*Sonneratia* spp.) and *Avicennia*



Bird's-eye view of Setiu Wetland facing South China Sea at the top of the image. Photo credit: UMT Gallery.

(Api-api), Bakau Minyak (*Rhizophora apiculata*) occur in abundance.

“Exclusive” mangrove species is a mangrove plant that is confined to intertidal areas and very specialized to adapt to extreme environmental conditions of mangrove ecosystem. The total of exclusive mangrove species in Malaysia is 38. One of them is Berus Mata Buaya (*Bruguiera hainesii*) was never report to occur in the East Coast of Peninsular Malaysia. Surprisingly, recently, FST field botanist, Tuan Haji Muhammad Razali Salam discovered this species standing in Pulau Layat, Setiu. Mangrove of Setiu is always reported to harbor only three species of *Bruguiera*, which are *B. gymnorrhiza*, *B. cylindrica* and *B. sexangula*. This discovery brings a new record to *B. hainesii* occurrence not only in the Terengganu, but also in the East Coast of Peninsular Malaysia.

Setiu-Chalok-Bari basin river tributaries are spread over Setiu providing this district with a complex riverine ecosystem, carrying ecology and economic functions to the communities. The riparian ecosystem is important in regulating the local hydrology and ecosystem processes. It is rich in flora and fauna. Local communities of Setiu are depending on river for their livelihood. Rivers in Setiu offer attractive nature through boating experience and game fishing, which already been developed into ecotourism product.

Various ecosystems in Setiu support diverse vertebrates and invertebrates associated with the marine and freshwater ecosystems such as mammals, birds, reptiles, amphibians, and insects. It is a habitat of the largest nesting population of critically endangered painted terrapin (*Callagur borneoensis*) and river terrapin (*Batagur baska*). In the recent years Setiu becomes a landing and nesting sites for green turtle (*Chelonia mydas*). Lagoon of Setiu is a natural hatchery for grouper juveniles (*Ephinephelus* sp.) and oysters. The mangroves are habitats for invertebrate species of crustaceans and mollusk which are important in maintenance and

energy flow of this ecosystem.

After being gazette as a gazetted as district in 1985, Setiu is fast developing into a hub for fisheries, aquaculture and agriculture industries as well as tourism. These developments have clearly put some pressure to Setiu’s natural environment and its resources. Sustainable development is perhaps the best way forward to ensure a sustainable livelihoods in Setiu. Recent initiative

to gazette Setiu as the first state park of Terengganu is timely and has always been a vision of UMT academicians and researchers who have worked in the area for many years. With a pool of expertise, strong administrative support and networking with government and non-government partners, UMT will lead the way towards the establishment of Setiu Wetland State Park, the first state in Terengganu.



Illustration of BRIS soil ecosystem vegetation profile of Setiu from the sea to further inland.



Gelam (*Melaleuca cajuputi*) under the waterlogged condition during wet condition (monsoon months; left) and dry conditions (non monsoon months; right). Black mark on stem indicates water depth following intense regeneration of aerial roots on its stem for aeration under waterlogged condition.



*Drosera burmannii* (Sundew plant; right) and *Nepenthes rafflessiana* (Periuk Kera; right), carnivorous plants associated with Gelam in seasonal freshwater swamp of Setiu.



Heath vegetation on BRIS soil in Setiu with a wild orchid of *Doritis* sp. blooming (in red circle; left) under a clump of *Baeckia frutescens* (*Cucur Atap*) with a closer view (right photo). Larger trees in clump support many epiphytes including orchids, acting as nursing trees protecting them from an extreme environment of high soil and air temperature.



A view of Setiu inland from one of the many brackish water lagoons in Setiu.



*Bakau minyak* (*Rhizophora apiculata*) noticeable for its stilt roots (aerial roots) as an adaptation to live under the tidal influence.



Associated species in heath vegetation ecosystem on BRIS soil of Setiu, flower of *Hoya coriceae*, flower of *Hoya coronaria*, Mas Cotek (*Ficus deltoidea*) and terrestrial orchid.



Beachfront of Kg. Ru Sepuluh, Setiu with *Casuarina equisetifolia* (*Pokok Rhu*).



River cruising in Setiu-Chalok-Bari tributaries offers enjoyable nature appreciation.



Aerial root of *Avicennia* (*Api-api*) and *Sonneratia* (*Berembang*) in tide-dominated fringing mangrove forest of Setiu.



*Nipah* (*Nypa fruticans*) on the riverbank of Sungai Setiu, dominating mangrove ecosystem part with much more fresh water than sea water.



FST field botanist, Tuan Haji Muhammad Razali Salam standing next to the tree of *Berus Mata Buaya* (*Bruguiera hainesii*; left image), recently discovered in Pulau Layat, Setiu. *Berus Mata Buaya* is characterized by abundance eye shape lenticels on its stem (right image).

# HICoE Stakeholders' Universiti Malaysia Terengganu Meeting: “Effective Ocean Governance towards the Sustainability of Marine Endangered Species”

by: **Rahayu Maspan** | Institute of Oceanography and Environment (INOS)



**T**he Institute of Oceanography and Environment (INOS) was accorded the status as the seventh national Higher Institution Centre of Excellence (HICoE). As the only centre of excellence in marine science conferred with this HICoE status, INOS has proven its worth to become a leader in the area of marine science and oceanography.

To embark its journey as a HICoE, INOS has set three niches in its research approach which are Marine Environmental

Process (MEP), Marine Endangered Species (MES) and Governance (LAP). The foremost issue in sustainably managing South China Sea is to have a comprehensive Legislative, Administrative and Policy (LAP) Framework to govern the management of its marine environment and resources particularly in relation to three Marine Endangered Species (MES) of marine mammals, sea turtles and corals. Accordingly, a Stakeholders Meeting whose

primary purpose was to seek input from organizations and researchers associated with the conservation of endangered marine life was held on June 17, 2013 at the INOS Auditorium with a special theme of “Effective Governance Ocean towards the Sustainability of the Marine Endangered Species.”

This meeting was attended by 35 representatives from more than 20 government agencies, NGOs, and universities including PETRONAS. This meeting also saw





*Officiating and Key Note Address by Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar, Under Secretary of the National Oceanography Directorate (NOD).*

three international representations from Australia, the Philippines and India. This meeting was officiated by YBhg. Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar, the Under Secretary cum Director of the National Oceanography Directorate (NOD), Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI), who also delivered a keynote address on the utility of National Ocean Policy (NOP) to achieve a better marine governance. The meeting was continued with the presentation by Assoc. Prof. Dr. Wan Izatul Asma Wan Talaat, the Law Research Programme Head on "INOS HICoE Programme and the Malaysian Existing Governance on Endangered Marine Species." This was followed by presentation from Assoc. Prof. Dr. Robin Warner and Dr. Lowell Bautista, who is also a Filipino, from the Australian National Centre for Ocean Resources and Securities (ANCORS), University of Wollongong on "Governance to Conserve and Protect Endangered Marine Species: The Australian Experience" and "South China Sea Governance: Forging Environmental Cooperation between the Littoral States."

A roundtable discussion chaired by Dr. Jarina Mohd Jani (INOS) and Dr. Mohd Hazmi Mohd Rusli from the Islamic Science University of Malaysia (USIM) was convened to



*A token of appreciation from UMT to NOD.*



*Presentation by Assoc. Prof. Dr. Robin Warner on "Governance to Conserve and Protect Endangered Marine Species: The Australian Experience."*



*Presentation by Dr. Lowell Bautista on "South China Sea Governance: Forging Environmental Cooperation between the Littoral States."*

get inputs and feedbacks on marine conservation issues, particularly in terms of governance and enforcement, from the stakeholders before a resolution was reached.

The meeting was concluded by Dr. Mohd Hazmi Mohd Rusli, who presented a resolution that due to existing Malaysia's piecemeal policies and laws as well as segmented and segregated

administration, this governance framework should be reviewed to emulate Australia's single and comprehensive environmental and biodiversity conservation law. It was also resolved during the meeting that environmental cooperation between the South China Sea littoral states should be forged for a more unified and integrated as well as effective conservation efforts.

# Mengenali Pendaftar UMT yang baharu

**YBhg. En. Mohd. Nor Shokri Abdul Rahman**

oleh: Prof. Madya Dr. Noraien Mansor | Penerbit UMT

Universiti Malaysia Terengganu telah menerima Pendaftar yang baharu pada tanggal 1 April 2013. Berbekalkan pengalaman yang cukup berharga dalam bidang pentadbiran dan aktif dalam aktiviti kokurikulum, YBhg. En. Mohd Nor Shokri Abdul Rahman melangkah setapak lagi dalam tangga kerjaya beliau sebagai Pendaftar yang baharu di UMT. Dengan wajah yang agak serius tetapi kekal segar dan awet muda, kadangkala suka berjenaka, beliau kini bersedia mendepani cabaran demi untuk kecemerlangan UMT.



**Prof. Madya Dr. Noraien Mansor:** Tahniah diucapkan atas pelantikan En. Mohd. Nor Shokri sebagai Pendaftar Universiti Malaysia Terengganu yang baharu. Apakah perasaan En. Mohd. Nor Shokri apabila dilantik sebagai Pendaftar UMT yang baharu pada tanggal 1 April 2013?

**En. Mohd. Nor Shokri:** Bercampur antara rasa gembira dan syukur kerana diberikan kepercayaan oleh pihak Lembaga Pengarah dan sedikit kebimbangan jika saya tidak mampu memberikan hasil yang diharapkan. Semoga Allah SWT memberikan saya kekuatan dan petunjuk untuk memberikan yang terbaik kepada UMT.

**Prof. Madya Dr. Noraien Mansor:** Jika tidak keberatan, boleh ceritakan serba sedikit latar belakang diri dan kerjaya En. Mohd. Nor Shokri sebelum sampai ke tahap ini?

**En. Mohd. Nor Shokri:** Saya memperolehi Diploma di KUSZA dan meneruskan pengajian di peringkat Sarjana Muda di UKM dan Sarjana di UPM. Semasa di peringkat Sarjana Muda saya bergiat aktif dengan persatuan pelajar dan badan beruniform. Saya dianugerahkan sebagai Pegawai Kadet PALAPES Terbaik UKM pada tahun 1990. Saya bermula sebagai Pegawai Tadbir di UPM Kampus Bintulu pada tahun 1990 dan selepas itu berpindah ke UPM Serdang pada tahun 1994 berikutan penutupan Kampus Bintulu pada waktu itu. Pada tahun 1999 saya dipindahkan ke UPM Cawangan Terengganu yang selepas itu dinaiktaraf menjadi KUSTEM dan UMT. Mungkin saya antara individu bertuah sempat berkhidmat di ketiga-tiga cawangan utama UPM. Sepanjang 23 tahun berkhidmat saya telah ditempatkan dipelbagai Bahagian/ Jabatan/ PTJ. Antaranya Bahagian Perjawatan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Pengetua Kolej Kediaman, Bahagian Latihan, Unit Perancangan Korporat dan Kualiti, Pejabat Komunikasi Korporat, Fakulti Sains dan Teknologi, Bahagian Akademik dan Bahagian

Sumber Manusia. Alhamdulillah, saya diberikan peluang untuk menjadi urus setia kepada tiga Pihak Berkuasa/ Jawatankuasa tertinggi di universiti iaitu Lembaga Pengarah Universiti, Mesyuarat Senat dan Jawatankuasa Pengurusan Universiti. Insya-Allah, semua pendedahan ini akan menjadi pengalaman bermakna dan kekuatan kepada saya untuk menjalankan tugas sebagai Pendaftar.

**Prof. Madya Dr. Noraien Mansor:** Setiap pemimpin mempunyai misi dan visi tersendiri dalam pentadbiran yang mereka amalkan. Apakah visi utama yang En. Mohd. Nor Shokri amalkan dalam menjayakan pentadbiran di Pejabat Pendaftar?

**En. Mohd. Nor Shokri:** Visi utama saya adalah untuk memberikan perkhidmatan pentadbiran dan sokongan yang terbaik dalam memacu pembangunan universiti melalui usaha melahirkan sumber manusia yang cemerlang. Tanpa sokongan pentadbiran yang mantap, pembangunan yang dicapai oleh UMT mungkin tidak mampu bertahan dengan lebih lama. Tanpa sumber manusia yang cemerlang, segala wawasan yang baik dan struktur pentadbiran yang baik juga akan gagal. Justeru itu menyemarakkan kualiti di setiap proses kerja dan fungsi utama Pejabat Pendaftar dan memperkasakan sumber daya insani dengan cara memberikan aspirasi, pedoman, roh dan pendekatan yang jelas kepada staf untuk membuat sesuatu yang betul dengan cara yang betul akan sentiasa diberikan penekanan. Arah tuju dan penghujung yang jelas terhadap sesuatu proses kerja juga penting dijelaskan kepada semua staf agar mereka mampu melihat 'big picture' sesuatu proses kerja. Apabila staf kita sentiasa dilatih untuk membuat sesuatu yang betul dan dengan cara yang betul, insya-Allah semua tugas yang akan dilaksanakannya akan mampu memberikan hasil yang diharapkan.

**Prof. Madya Dr. Noraien Mansor:** Apakah perkara utama yang akan dilakukan oleh En. Mohd. Nor Shokri untuk meningkatkan kredibiliti Pejabat Pendaftar sebagai tunggak pengurusan dan pentadbiran am di UMT.

**En. Mohd. Nor Shokri:** Di era transformasi governan UMT, Pejabat Pendaftar telah diberikan amanat yang besar dalam menguruskan entiti-entiti baru di samping perlu memperkasakan entiti yang sedia ada. Ini merupakan inisiatif yg. Bhg Dato' Naib Canselor untuk memperkasakan Pejabat Pendaftar. Usaha pemerksaan akan menyumbang kepada peningkatan kredibiliti. Antara usaha pemerksaan yang akan dilakukan ialah dengan meningkatkan kredibiliti setiap staf dengan latihan yang berterusan terutamanya dalam aspek kemahiran, kerahsiaan, ketepatan data, disiplin, integriti, kesegeraan, layanan pelanggan berteraskan daya keinsanan yang terpuji dan *attention to detail*. Ini merupakan perkara-perkara asas dalam penyampaian perkhidmatan yang perlu sentiasa diperingatkan. Tugas saya memperhangatkannya. Apabila kredibiliti staf Pejabat Pendaftar dapat ditingkatkan, kredibiliti Pejabat Pendaftar akan meningkat secara automatik.

**Prof. Madya Dr. Noraien Mansor:** Selain itu, apakah usaha dan strategi yang akan dilaksanakan oleh Pejabat Pendaftar untuk memperkasakan Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dalam usaha memenuhi keperluan perjawatan di UMT?

**En. Mohd. Nor Shokri:** Setakat ini kita tidak menghadapi masalah dengan perjawatan akademik tetapi masalah timbul dengan perjawatan Pengurusan dan Profesional dan Sokongan. Kita akan menjalin hubungan yang lebih erat dengan Bahagian Sumber Manusia KPM agar mereka lebih memahami kekangan sumber manusia yang kita hadapi terutamanya bagi universiti muda yang pesat membangun seperti UMT. Kajian yang lebih mendalam akan dilakukan dalam

menentukan keperluan sebenar sumber manusia dengan melihat kepada beban tugas sebenar dan strategi untuk mengoptimalkan sumber yang sedia ada. Melatih staf untuk mahir melakukan berbagai tugas, perkongsian sumber dan pemusatan fungsi-fungsi yang sama diberbagai PTJ akan menjadi sebahagian strategi yang bakal dilaksanakan. PTJ juga harus bersedia untuk menghadapi cabaran *to give more with less*. Dalam keadaan-keadaan tertentu pihak kerajaan tidak mampu memenuhi semua keperluan sumber manusia yang kita perlukan. Di sinilah akan bermulanya kreativiti dalaman dalam mengoptimalkan sumber daya insani yang kita ada.

**Prof. Madya Dr. Noraien Mansor:**

Apakah pendekatan kepimpinan yang telah dan bakal En. Mohd. Nor Shokri amalkan untuk terus menerajui Pejabat Pendaftar pada masa kini dan akan datang?

**En. Mohd. Nor Shokri:** Saya percaya kepada pendekatan kepimpinan yang demokratik dan proses pembuatan keputusan secara kolektif dalam meningkatkan kepunyaan dan kebersamaan dalam sesuatu keputusan penting. Pendekatan sebegini pada saya lebih menjamin kelangsungan dan kematangan sesuatu keputusan. Kematangan rakan-rakan dalam membuat keputusan juga akan lebih terjamin kerana setiap keputusan akan dilihat dari perbagai perspektif. Keputusan yang dibuat hari ini bukan hanya untuk menyelesaikan masalah hari ini dan hari esok tetapi untuk jangka masa yang lebih panjang. Rasa pertanggungjawaban akan dikongsi bersama. Saya juga memberikan ruang dan autoriti kepada rakan-rakan di pelbagai lapisan untuk belajar membuat keputusan yang terbaik sesuai dengan peringkat masing-masing. Saya percaya kita semua berperanan melahirkan pemimpin dan bukan semata-mata pengikut. Kita bukan hanya perlu melakukan sesuatu yang betul, tetapi juga hendaklah dengan cara yang betul, kepada individu yang berkaitan, pada waktu yang sesuai dan



dengan alasan yang benar. Integriti akan sentiasa diperkasakan. Usaha untuk meneroka amalan terbaik dalam fungsi kerja masing-masing akan terus disuburkan. Usaha ini akan diterjemahkan melalui jaringan yang sedia wujud dalam kalangan IPTA.

**Prof. Madya Dr. Noraien Mansor:**

Akhir bicara, apakah harapan En. Mohd. Nor Shokri untuk Pejabat Pendaftar khususnya dan UMT amnya?

**En. Mohd. Nor Shokri:** Era pasca tranformasi governan bakal memberikan cabaran yang besar kepada Pejabat Pendaftar selaku pejabat utama yang memberikan perkhidmatan sokongan dan pentadbiran dalam memacu pembangunan UMT secara umumnya. Di samping sokongan pihak pengurusan, saya benar-benar berharap rakan-rakan saya di Pejabat Pendaftar mampu bertindak secara yang lebih proaktif dalam memastikan kualiti perkhidmatan yang lebih efektif dan efisien. Setiap proses kerja mesti dilihat semula dan inisiatif penambahbaikan berterusan mesti dimulakan. Segala sistem dan prosedur kerja mesti dikaji

semula bagi menjadikan ia lebih lancar dan berkesan. Sistem kerja yang berorientasikan pelanggan atau tetamu mesti dijadikan amalan semua pihak. Semua staf mesti meningkatkan jiwa kesegeraan, menjiwai kecemerlangan, mengutamakan tetamu yang hadir untuk mendapatkan perkhidmatan dan khidmat nasihat serta sentiasa ghairah menambahbaik perkhidmatan. Justeru itulah saya sentiasa menyarankan rakan-rakan pejabat saya untuk tidak mengenal lelah dalam menyuburkan kualiti dan memperkasa sumber daya insani. Kepada UMT, saya berharap agar kita sentiasa berada di landasan yang betul dalam usaha memertabatkan UMT sebagai sebuah universiti unggul yang bereputasi antarabangsa dan dihormati. Semoga Allah SWT sentiasa memberikan kita keharmonian, merahmati dan memberkati setiap langkah yang kita ambil menuju perjalanan yang tiada penghujung ini. Sidang redaksi *INFOKUS* mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pendaftar Baharu UMT, YBhg. En. Mohd. Nor Shokri di atas pelantikan beliau dan jutaan terima kasih kerana sudi melapangkan masa diwawancara.

# Pelajar UMT Duduki Senarai 10 Teratas

## *The Great KL Challenge*

oleh: **Dr. Nurul Adyani Ghazali** | Penasihat Kelab ENTECH, Jabatan Sains Kejuruteraan, FST

**T**he Great KL Challenge merupakan satu pertandingan yang melibatkan pertukaran idea di antara dua negara iaitu Sweden dan Malaysia yang dianjurkan oleh Kedutaan Sweden di Malaysia. Salah seorang ahli Kelab Teknologi Alam Sekitar (Kelab ENTECH) yang juga merupakan pelajar tahun akhir program Sarjana Muda Teknologi (Alam Sekitar) iaitu Saudari Najwa binti Mat Yasin telah berjaya mengungguli tempat ke-8 daripada keseluruhan 1168 penyertaan daripada pelbagai IPT di Malaysia. Kejayaan ini menempa sejarah kerana buat julung kalinya dianjurkan dan melibatkan persaingan sengit dalam kalangan pelajar IPT. Kesibukan rutin harian sebagai pelajar dan juga kerja-kerja penyelidikan projek ilmiah tahun akhir, tidak menghalang untuk beliau tekad mencuba nasib menyertai pertandingan ini. Ternyata usaha beliau tidak sia-sia setelah berjaya bersaing dengan pelajar-pelajar IPT lain di Malaysia dan mengungguli tempat ke-8. Sekalung tahniah diucapkan kepada Saudari Najwa binti Mat Yasin.

Pertandingan The Great KL Challenge ini merupakan satu inisiatif daripada pihak industri Sweden dan Malaysia serta pihak berkuasa kerajaan dan juga ahli akademik kedua-dua buah negara. Objektif utama pertandingan ini ialah untuk mengeratkan hubungan dua hala di antara kedua-dua buah negara. Selain daripada itu, pertandingan ini juga bertujuan untuk mengasah daya kreatif serta inovasi pelajar Malaysia dengan mengemukakan idea-idea bernas dalam mencari penyelesaian kepada permasalahan terkini berkaitan



*Saudari Najwa binti Mat Yasin duduki tempat ke-8 daripada 1168 penyertaan.*

dengan alam sekitar dan cabaran pada masa akan datang.

Pertandingan ini terbahagi kepada empat peringkat utama yang perlu dilalui oleh setiap peserta yang mengambil bahagian. Pada peringkat pertama, pelajar dikehendaki menjawab kuiz berkenaan alam sekitar di Malaysia. Seterusnya pada peringkat kedua, pelajar perlu menjawab soalan berbentuk kuiz. Dalam peringkat ini, terdapat tujuh soalan mengenai kemajuan inovasi yang berlaku di Sweden dalam menjamin

kelangsungan alam sekitar perlu dijawab oleh pelajar. Manakala pada peringkat ketiga pula pelajar perlu menjawab soalan mengenai tenaga, polisi kecekapan sains alam sekitar dan sumber tenaga. Peringkat terakhir yang perlu dilalui oleh pelajar ialah soalan berbentuk kajian kes. Pada peringkat ini, pelajar dikehendaki menjawab dalam bentuk penulisan esei tidak melebihi 500 patah perkataan mengenai idea pelajar dalam menjadikan ibu kota Malaysia, Kuala Lumpur sebagai satu kawasan yang mempunyai pembangunan mampan pada masa hadapan serta bercirikan inovasi dalam menyelesaikan masalah terkini berkaitan dengan alam sekitar.

Pemenang pertandingan akan menerima peluang untuk mengambil bahagian dalam program-program inovasi, berpeluang mengikuti lawatan sambil belajar ke Sweden pada musim panas 2013 serta berpeluang menjadi tetamu VIP untuk menghadiri majlis penyampaian hadiah bersempena dengan pembukaan semula Kedutaan Sweden di Kuala Lumpur.

Pertandingan seumpama ini merupakan satu peluang terbaik yang seharusnya digunakan oleh pelajar-pelajar untuk mempamerkan kemahiran, daya kreatif dan inovasi mereka, selain daripada menerima penganugerahan di peringkat nasional. Selain daripada itu, pelajar berpeluang membina jaringan rangkaian dengan pemimpin-pemimpin industri. Adalah diharapkan pada masa akan datang lebih ramai pelajar UMT yang memberanikan diri menyertai pertandingan-pertandingan seumpama ini.



# MERDEKA

MALAYSIAKU BERDAULAT :  
TANAH TUMPAHNYA DARAHKU

oleh: Prof. Madya Dr. Noraïen Mansor | Penerbit UMT



'*Malaysiaku Berdaulat : Tanah Tumpahnya Darahku*' merupakan tema Hari Kemerdekaan ke-56 bagi tahun 2013. Tema yang lebih bersifat perpaduan dan berorientasikan kepada patriotik dan kesatuan negara bangsa ini dipilih bagi memberikan peringatan kepada rakyat akan kepentingan bersatu mempertahankan negara di samping mewujudkan kesedaran rasa sayang dan cintakan negara. Selaras dengan pendekatan tema ini, konsep sambutan pada tahun ini lebih menjurus kepada elemen-elemen perpaduan, patriotik, kedaulatan dan keselamatan negara.

Sambutan Hari Kemerdekaan ke-56 Tahun 2013 dan Kempen Kibar Jalur Gemilang di peringkat UMT bermula dengan satu upacara khas melekatkan jalur gemilang pada kenderaan staf UMT pada tanggal 28 Ogos 2013 disempurnakan oleh YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo, Naib Canselor, UMT. Semangat kemerdekaan mendapat sokongan padu daripada seluruh warga UMT demi kesejahteraan nusa dan bangsa.





# UMT galak penyelidikan hasil penulisan monograf

oleh: **Rabil Sitta Abdul Rahman** | Penerbit UMT



**P**enerbit Universiti Malaysia Terengganu (UMT) buat julung kali menganjurkan Bengkel Penerbitan Monograf pada 27 hingga 29 Jun 2013 bertempat di Hotel Swiss Garden & Spa Resort, Kuantan, Pahang. Seramai 50 peserta yang terdiri dalam kalangan pensyarah, pembantu penyelidik dan pegawai sokongan UMT telah hadir sebagai peserta bengkel. Peserta bengkel dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan sains sosial dan juga sains dan teknologi. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Naib Canselor UMT, YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim bin Komoo. Turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), YBhg. Prof. Dr. Noor Azhar Mohamed Shazili, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), YBhg. Prof. Dr. Anuar



*Naib Canselor UMT, YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo mahu penyelidik dan pelajar pascasiswazah menghasilkan monograf hasil daripada penyelidikan dan tesis masing-masing.*

Hassan, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), YBhg. Prof. Dr. Mohd Effendy Abd. Wahid dan Pengarah Penerbit UMT, Prof. Madya Dr. Noraien Mansor serta Pegawai-pegawai Kanan UMT.

Naib Canselor UMT dalam ucapan perasmiannya menyeru kepada semua penyelidik UMT serta pelajar pascasiswazah untuk menghasilkan penulisan saintifik dalam bentuk monograf. Monograf ini bukan sahaja boleh dimanfaatkan oleh golongan sebidang ia juga boleh dijadikan sumber rujukan penyelidikan bidang yang sama pada masa akan datang.

“Tradisi ilmu perlu diamalkan di UMT dengan menerbitkan hasil penyelidikan dalam bentuk penulisan saintifik seperti monograf,” jelas Naib Canselor UMT, YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim bin Komoo.

Objektif utama penganjuran bengkel ini bagi menyahut saranan daripada Naib Canselor UMT, untuk mewajibkan para penyelidik dan pelajar pascasiswazah UMT menghasilkan penerbitan





*YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo berkongsi pengalaman dengan peserta bengkel.*



*Prof. Madya Dr. Hamed Mohd Adnan dari Universiti Malaya dijemput memberikan ceramah buat peserta dalam bidang sains sosial.*

monograf. Selain itu ia juga dapat menghidupkan budaya penulisan ilmiah dalam kalangan warga UMT khususnya akademik, pemegang geran dan pelajar pascasiswazah yang akan bergraduasi.

Penerbit UMT telah menjemput pensyarah UMT, YBhg. Prof. Emeritus Dr. Mohd Azmi bin Ambak

sebagai penceramah jemputan bidang sains dan teknologi, manakala pensyarah Fakulti Sastera dan Pengajian Media, Universiti Malaya, Prof. Madya Dr. Hamed Adnan memberikan ceramah untuk peserta dalam bidang sains sosial.

Harapan agar penganjuran bengkel ini dapat memberikan

pendedahan kepada warga penyelidik dan pelajar pascasiswazah mengenai cara penerbitan monograf. Semoga penerbitan monograf mendapat sokongan penuh dan berterusan oleh semua Pusat Tanggungjawab (PTj) akademik di UMT.

# Penantian Enam Tahun Berakhir Penerima Anugerah MAMI 2013 dinobatkan

oleh: Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)



Sejarah tercipta buat julung kalinya apabila penerima Anugerah Malim Ilmu (MAMI) 2013 dinobatkan kepada YBhg. Profesor Emeritus Dr. Faizah Sharoum semenjak majlis anugerah tahunan ini diadakan dari tahun 2008. Mantan Pengarah Institut Akukultur Tropika (Akuatrop) ini turut menerima wang tunai sebanyak RM10,000.00 beserta trofi, pingat emas dan sijil penghargaan yang disampaikan oleh Naib Canselor UMT, Profesor Emeritus Dr. Ibrahim Komoo dalam majlis yang dilangsungkan di Pusat Konvensyen Taman Tamadun Islam, baru-baru ini.

Beliau merupakan seorang ahli akademik yang bukan sahaja seorang pensyarah, penyelidik dan pemindah ilmu malah beliau juga merupakan seorang pentadbir yang berkarisma yang juga pernah menjawat jawatan sebagai Ketua Jabatan Sumber Akuatik, Timbalan Pengarah Institut Oseanografi, Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Pengarah Institut Akuakultur Tropika. Sepanjang 34 tahun penglibatan beliau dalam dunia akademik, beliau telah memberi sumbangan yang holistik dalam dunia penyelidikan, pengajaran dan pemindahan ilmu. Penemuan baharu dalam

penggunaan parasit sebagai bioindikator untuk menentukan tahap kesihatan ikan telah mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan serantau dan juga antarabangsa.

Majlis anugerah ini juga turut bertujuan memberi pengiktirafan kepada ahli akademik Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang menunjukkan kecemerlangan menyeluruh serta membuktikan keserjanaan bukan sahaja dalam penyelidikan dan pengajaran, malah turut serta dalam meyumbangkan kepakaran penyelidikan kepada komuniti sosial diperingkat nasional dan global. Seawal

penganjurannya pada tahun 2008, sebanyak lima kategori anugerah telah diperkenalkan. Namun, telah berlaku beberapa transformasi dalam MAMI 2013 bagi kategori anugerah berbanding tahun-tahun sebelumnya yang bertujuan untuk membuktikan bahawa UMT sedang bergerak seiring dengan kebolehan dan kecemerlangan korpus ilmunya dalam era global yang ditampilkan dalam acuan tempatan.

Dalam majlis sama, turut disampaikan anugerah-anugerah dan hadiah berikut :

**i) ANUGERAH PEMIMPIN**

**AKADEMIK** (Sijil, Trofi dan Wang Tunai RM5,000)

- a) Anugerah Pemimpin Akademik (Penyelidikan) – Prof. Madya Dr. Ikhwanuddin @ Polity Abdullah
- b) Anugerah Pemimpin Akademik (Pengajaran) – Prof. Ir. Dr. Ahmad Jusoh
- c) Anugerah Pemimpin Akademik (Pemindahan Ilmu) – Prof Madya Dr. Zaleha Kassim

**ii) ANUGERAH SAINTIS**

**CEMERLANG** (Sijil, Trofi dan Wang Tunai RM5,000.00)

- a) Anugerah Saintis Cemerlang (Sains Tulen) – Prof. Madya Dr. Mohd Ikmar Nizam Mohamed Isa
- b) Anugerah Saintis Cemerlang (Sains Gunaan & Kejuruteraan)– Prof. Madya Dr. Yeong Yik Sung

**iii) ANUGERAH PENGAJAR**

**CEMERLANG** (Sijil, Trofi dan Wang Tunai RM5,000)

- a) Prof. Madya Dr. Mariam Taib

**iv) ANUGERAH PEMIMPIN**

**AKADEMIK MUDA** (Sijil, Trofi dan Wang Tunai RM3,000)

- a) Anugerah Pemimpin Akademik Muda (Penyelidikan) – Prof. Madya Dr. Wan Mohd Khairul Wan Mohamed Zin



*penerima Anugerah Malim Ilmu (MAMI) 2013 dinobatkan kepada YBhg. Profesor Emeritus Dr. Faizah Sharoum*

- b) Anugerah Pemimpin Akademik Muda (Pengajaran) – Prof. Madya Dr. Mohd Zul Helmi Rozaini
- c) Anugerah Pemimpin Akademik Muda (Pemindahan Ilmu) – Dr. Mustafa Man

**v) ANUGERAH PENYELIDIK TAHUNAN** (Sijil, Trofi dan Wang Tunai RM3,000)

- a) Anugerah Penyelidik Tahunan (Sains Gunaan & Kejuruteraan) – Prof. Madya Dr. Noor Maizura Mohamad Noor
- b) Anugerah Penyelidik

Tahunan (Sains Sosial) – Prof. Madya Dr. Nur Azura Sanusi

**vi) INSENTIF MAKALAH JURNAL KUARTIL 1 DAN 2** (Sijil dan Wang Tunai)

**48 orang penerima**

**vii) HADIAH PENGHARGAAN PEROLEHAN GERAN 2012** (Sijil)

**70 orang penerima**

Secara keseluruhannya seramai 110 orang ahli akademik telah diberi pengiktirafan dalam malam majlis yang berprestij tersebut.

# Penerbit UMT Terus Galak Penerbitan Monograf

oleh: **Azeeha Ibrahim** | Penerbit UMT

**P**enerbit UMT terus menjana khazanah ilmuwan dengan menganjurkan Bengkel Penerbitan Monograf 2013 Siri Kedua pada 21 Ogos 2013 bertempat di Permai Hotel, Kuala Terengganu. Bengkel ini menyaksikan penglibatan seramai 50 orang peserta yang terdiri daripada warga akademik dan para siswazah yang bakal bergraduat.

Dalam pada menghidupkan budaya penulisan ilmiah dalam kalangan warga UMT, objektif utama penganjuran bengkel ini adalah bagi meneruskan kesinambungan Bengkel Penerbitan Monograf 2013 yang telah diadakan pada 27-29 Jun 2013 bertempat di Swiss-Garden Resort & Spa Kuantan, Pahang.

Selain itu juga, Penerbit UMT terus menyahut saranan daripada Naib Canselor UMT, untuk menggalakkan para penyelidik dan pelajar pascasiswazah UMT menghasilkan penerbitan monograf.

UMT sekali lagi telah menjemput Prof. Madya Dr. Hamed Adnan dari Fakulti Sastera dan Pengajian Media, Universiti Malaya sebagai penceramah jemputan bagi membantu memberi penerangan dan bagi penghasilan monograf yang baik.

Hadir bersama-sama semasa bengkel berlangsung adalah Pengarah Penerbit UMT, Yang Berusaha Prof. Madya Dr.

Noraien Mansor yang menyifatkan penganjuran bengkel ini amat berjaya dan beliau berkata Penerbit UMT bakal menganjurkan siri ketiga

pada masa akan datang. Harapan beliau agar selepas ini lebih banyak penerbitan monograf yang bakal terhasil rentetan dari bengkel yang telah diadakan.



*Sebahagian peserta yang khusyuk mengikuti ceramah yang diberikan.*



**“Penganjuran bengkel ini amat berjaya dan Penerbit UMT bakal menganjurkan siri ketiga pada masa akan datang”.**



210 orang  
pengamal  
media dan  
guru kaunselor  
sekolah dirai

## di **Majlis Mesra UMT**

oleh : **Lailatul-Akmal binti Abd Rahman**  
Pusat Komunikasi Korporat dan  
Pembangunan Citra

**S**eramai 180 orang pengamal media dan 30 orang guru kaunselor sekolah di sekitar Kuala Lumpur, Melaka dan Negeri Sembilan telah menyertai Majlis Mesra Universiti Malaysia Terengganu yang diadakan di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur baru-baru ini. Majlis adalah anjuran Pusat Komunikasi Korporat dan Pembangunan Citra (PKKPC) UMT. Naib Canselor UMT, YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo telah merasmikan majlis tersebut.

"Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pengamal media dan kaunselor yang sudi hadir pada malam ini. Majlis ini merupakan satu usaha UMT untuk merapatkan lagi jurang perhubungan antara media dengan kaunselor sekolah di mana kedua-dua belah pihak memainkan



Naib Canselor UMT, YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo beramah mesra dengan wakil-wakil agensi media yang hadir ke majlis tersebut.

peranan yang besar dalam menyebarkan maklumat kepada masyarakat dan pelajar sekolah," ujar Naib Canselor UMT dalam ucapan beliau.

"Untuk makluman semua, UMT pada tahun ini bermula 1 Jun 2013 nanti akan mempunyai sebuah Pusat Komunikasi Strategik dan Jaringan Antarabangsa yang beroperasi di Putrajaya. Penubuhan pusat ini adalah untuk merancakkan lagi promosi universiti serta menjadi penghubung kepada pelbagai biro dan pejabat kerajaan di ibu kota," jelas beliau lagi.

Majlis julung-julung kali diadakan ini telah menarik pelbagai biro dan agensi untuk hadir memeriahkan lagi majlis. Antara agensi yang hadir adalah *Bernama*, *Berita Harian*, *Utusan Malaysia*, *Kosmo*, *TV Al Hijrah*, *The Sun*, *Traxx FM* dan *TV3*.

Pada majlis tersebut juga, Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo juga telah mengundang para



pengamal media untuk menyertai Program *Survival* Laut Edisi Media yang akan diadakan pada 24 hingga 25 Mei 2013 ini di Pusat Penyelidikan UMT Pulau Bidong.

Majlis diserikan lagi dengan persembahan video pengenalan UMT dan video tentang Program *Survival* Laut dan Penghayatan Warisan anjuran Pusat Teknologi Maklumat UMT.

80 media

sertai

# Program *Survival* Laut dan Penghayatan Warisan

## Edisi Media 2013

oleh: Lailatul-Akmal binti Abd Rahman  
Pusat Komunikasi Korporat dan Pembangunan Citra



*Berkayak, salah satu aktiviti wajib yang dilalui oleh semua peserta program survival laut.*

**P**usat Komunikasi Korporat dan Pembangunan Citra (PKKPC) Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sekali lagi telah menganjurkan Program Survival Laut dan Penghayatan Warisan Edisi Media untuk tahun 2013.

Penyertaan kali ini seramai 40 orang peserta mewakili media dari Kuala Lumpur yang terdiri daripada wakil daripada *Bernama*, *TV3*,

*Media Prima*, *Harian Metro*, *Sinar Harian* dan *RTM* manakala daripada Terengganu pula diwakili oleh peserta daripada Unit Komunikasi Negeri Terengganu, *Bernama* Terengganu, *Berita Harian* dan *RTM* Terengganu.

Naib Canselor UMT, YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim bin Komoo ketika memberi ucapan, mengucapkan terima kasih dan

amat teruja kerana kehadiran pengamal media ke Pusat Penyelidikan UMT di Pulau Bidong ini.

“Diharapkan kerjasama sebegini akan berterusan, bukan sahaja dalam memperkenalkan salah satu aktiviti wajib bagi pelajar yang baharu masuk ke UMT tetapi pada program sebegini kita dapat menjalinkan perhubungan baharu di



*Aktiviti water confident dan snorkeling perlu dilaksanakan dengan penuh keyakinan dan keberanian.*



*Pengamal media begitu teruja melaksanakan aktiviti survival laut di Pulau Bidong.*

antara media dengan akademia di UMT supaya kita dapat bergabung dalam memberi kupasan yang lebih tepat tentang penyelidikan serta penemuan baharu yang ditemui oleh kami untuk disampaikan kepada masyarakat," jelas YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim bin Komoo dalam ucapannya.

Program selama 2 hari 1 malam ini melibatkan pelbagai aktiviti yang merupakan modul yang sama digunakan oleh pelajar baharu UMT iaitu aktiviti *water confident*, *snokerling*, memancing, jejak warisan dan berkayak. Pengamal media yang menyertai program ini juga diberi peluang untuk mencandat sotong sebagai aktiviti tambahan yang pertama kali diperkenalkan tahun ini.

Pengamal media juga telah dibawa melawat Santuari Penyu di Chagar Hutang, Pulau Redang dan diberi penerangan dengan lebih mendalam tentang pemuliharaan penyu oleh Dr. Juanita Joseph dan sukarelawan yang terlibat. Pada sebelah malam, aktiviti diteruskan dengan penerangan lanjut tentang penempatan awal di Pulau Bidong serta konservasi batu karang oleh Pengarah Pusat Inovasi dan Pemindahan Ilmu (IKTC) UMT, Prof. Madya Dr. Hii Yii Siang.



*Pengamal media juga melalui aktiviti kebiasaan survival laut yang dilalui oleh pelajar-pelajar baharu UMT.*



*Pengamal media berpeluang melihat aktiviti pemuliharaan penyu di Chagar Hutang, Pulau Redang.*

# Sekitar Lawatan JPAM ke Songkhla, Thailand

oleh : Mejar Bersekutu (PA) Mohd Juhari bin Ab Kadir | Ajutan Kor SISPA UMT

Pada tanggal 28 - 30 Jun 2013, sekumpulan pegawai-pegawai kanan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia telah mengadakan satu lawatan kerja ke Civil Protection Volunteers of Songkhla, Thailand. Pengurusan Kor SISPA UMT juga telah diberi penghargaan untuk turut sama dalam lawatan kerja tersebut yang disertai oleh YBhg. Kol. Bersekutu (PA) Prof. Dato' Dr. Saharuddin bin Abdul Hamid dan Mejar Bersekutu (PA) Mohd Juhari bin Ab Kadir.

Lawatan kerja yang disertai oleh seramai 44 orang tersebut berjaya mencapai objektif yang disasarkan iaitu untuk mengadakan kerjasama dan berkongsi kepakaran dalam ilmu Pertahanan Awam dan gelombang kesukarelawan dengan organisasi terulung di negara Thailand.

Civil Protection Volunteers of Songkhla telah berjaya menarik minat para sukarelawan dari wilayah Selatan Thailand untuk membantu kerajaan dalam kerja-kerja bantuan awal sebelum dan ketika bencana berlaku. Usaha berkenaan telah dibentangkan kepada delegasi JPAM untuk melihat sendiri kejayaan organisasi yang ditubuhkan berkenaan dalam menggerakkan gelombang kesukarelawan di kalangan masyarakat Wilayah Selatan Thailand.

Lawatan kerja ini lebih bermakna apabila pihak Civil Protection Volunteers of Songkhla berkongsi ilmu dan pengalaman mereka sebagai badan sukarelawan yang boleh berganding bahu dalam menggerakkan gelombang kesukarelawan dalam kalangan masyarakat setempat. Antara keistimewaan tertentu yang dapat diutarakan dan dipelajari dalam lawatan berkenaan, antaranya:



*Para delegasi lawatan disambut oleh anggota Civil Protection Volunteers Of Songkhla.*



*Bergambar kenangan bersama sebahagian anggota Civil Protection Volunteers of Songkhla.*

- Tidak mengehadkan had umur untuk menganggotai badan sukarelawan ini dan dapat dilihat bahawa sebahagian besar organisasi ini dianggotai oleh golongan pertengahan usia antara 30 hingga 60 tahun.

Sumbangan yang diberikan oleh mereka adalah mengikut kemampuan dan batas usia termasuklah penyedia makanan, penyediaan logistik, pembimbing rakan sebaya dan sebagainya.



- Penyertaan di dalam organisasi yang tidak berasaskan kepada faktor kewangan. Penyertaan mereka adalah benar-benar sukarela dan tidak dibayar dengan elaun semasa bertugas. Mereka menyertai organisasi semata-mata kerana rasa tanggungjawab kepada negara dan meletakkan bahawa diri mereka diperlukan dalam membantu antara satu sama lain. Maka tidak hairanlah organisasi tersebut berjaya menarik minat 16,025 sukarelawan untuk menyertainya dan bergiat aktif dalam penyediaan latihan kemahiran serta terlibat dalam bantuan kecemasan.
- Lojistik dan kemudahan latihan adalah terhad yang mana ianya disumbangkan oleh penyumbang ataupun dibekalkan oleh Kementerian Dalam Negeri Thailand. Kemudahan dan peralatan latihan adalah *outdated* dan dalam kuantiti yang terhad jika dibandingkan dengan Malaysia. Walaupun begitu, ianya tidak mematahkan semangat para sukarelawan untuk mencuba dan menggunakan peralatan serta kemudahan yang terhad tersebut demi mempersiapkan pasukan dalam memberikan bantuan kecemasan kepada yang terlibat.
- Peranan yang diberikan oleh kerajaan Thailand kepada organisasi berkenaan adalah besar. Peranan tersebut termasuklah:
  - i. Menjalankan kempen keselamatan jalan raya.
  - ii. Pendidikan dan kesedaran awam tentang bencana dan cara menghadapinya.
  - iii. Latihan dan simulasi berstruktur dalam menghadapi bencana.
  - iv. Pusat kawalan dan penilaian bencana Selatan Thailand yang merangkumi Wilayah Narathiwat, Satun, Songkhla, Pattani dan Yala.
  - v. Menyokong dan mempertahankan kerajaan yang memerintah.



Bersama Y.Bhg. Kol. (PA) Prof. Dato' Dr. Saharuddin bin Abdul Hamid, Timbalan Komandan Kor SISPA UMT dalam lawatan.

- Simulasi bencana yang didemonstrasikan agak unik iaitu melibatkan simulasi gempa bumi yang menggunakan jentera yang direka sendiri oleh badan berkenaan dengan gegaran sekitar 5.7 skala richter. Walaupun Thailand berada di jajaran yang sama dengan Malaysia yang tidak diancam oleh bencana gempa bumi, mereka turut bersedia dan memberikan latihan simulasi sekiranya gempa bumi benar-benar berlaku di wilayah mereka. Persediaan awal begini tidak terdapat di dalam negara kita yang boleh dijadikan sebagai satu latihan wajib kepada anggota Pertahanan Awam Malaysia.
  - Latihan memadam kebakaran melibatkan LPG iaitu gas cecair untuk memasak dirumah agak unik dan tidak pernah dilakukan oleh JPAM. LPG di Malaysia digunakan secara meluas terutamanya di rumah kediaman dan kilang-kilang pembuatan. Sebenarnya bencana kebakaran boleh berlaku disebabkan oleh bahan LPG itu tadi. Kebakaran yang disebabkan oleh LPG adalah jauh lebih besar dibandingkan dengan bahan lain seperti minyak petrol atau gasolin. Sehubungan itu, organisasi berkenaan menunjukkan demonstrasi kaedah melawan kebakaran melibatkan LPG ini dengan menyejukkan api dan bahang terlebih dahulu kemudian baharulah dipadamkan kebakaran setelah LPG berkenaan berkurangan di dalam tong. Penggunaan bahan bakar tersebut sebagai latihan memadam kebakaran adalah amat dipuji dan boleh dilakukan oleh JPAM.
- Secara keseluruhannya lawatan kerja yang dianggotai oleh wakil UMT ke Civil Protection Volunteers of Songkhla ini berjaya membuka mata untuk lebih menggalakkan masyarakat menyertai ahli sukarelawan JPAM. Dalam konteks universiti pula, gelombang kesukarelawan ini perlu dipergiatkan dengan mengambil lebih ramai pelajar menganggotai kokurikulum Kor SISPA yang mana latihan serta kemahiran yang diberikan dapat digunakan dalam kehidupan seharian dan juga dapat membantu pihak lain yang memerlukan. Usaha dan gerakan terancang perlu dilakukan untuk menarik minat lebih ramai mahasiswa/ mahasiswi untuk sama-sama menyokong gelombang kesukarelawan dalam negara kita yang tercinta ini.

# INOS Tuan Rumah Bengkel Serantau Asia Pasifik IAEA/RCA

oleh: **Prof. Madya Dr. Suhaimi Suratman** | Institut Oseanografi dan Sekitaran

Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS), UMT dengan kerjasama Agensi Nuklear Malaysia (ANM) dan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) telah menganjurkan bengkel “IAEA/RCA Regional Training Course on Basic Ocean Sampling Practices in Member States” pada 25-30 Mei 2013. Majlis perasmian bengkel ini telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan & Pembangunan Teknologi), ANM, YBhg. Dr. Muhd Noor Muhd Yunus manakala majlis penutup disempurnakan oleh Penyelaras Kebangsaan Projek RAS7021, ANM, YBhg. Dr. Abdul Kadir Ishak.

Bengkel ini merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh IAEA bersama-sama dengan negara Asia Pasifik dan pada tahun ini ANM yang mewakili Malaysia telah dipilih sebagai penganjur bersama. Oleh kerana INOS merupakan sebuah institut penyelidikan khusus dalam bidang Oseanografi dan Sains Marin, INOS telah diberi mandat oleh UMT untuk menerajui bidang penyelidikan dan pendidikan berkaitan marin serta sumber pesisir pantai terutamanya di kawasan Laut China Selatan. ANM telah mencadangkan INOS sebagai penganjur bersama kursus ini. Seramai empat orang tenaga pengajar terlibat dalam bengkel ini iaitu Ron Symczak (IAEA), YBhg. Prof. Dr. Noor Azhar Mohamed Shazili (UMT), Prof. Madya Dr. Suhaimi Suratman (UMT) dan Yii Mei Wo (ANM).



*Peserta-peserta ketika majlis perasmian bengkel.*



*Sesi kuliah yang diadakan di Hotel Primula.*



Bengkel ini disertai seramai 12 peserta yang terdiri daripada Malaysia, Fiji, Kiribati, Kepulauan Cook, Kepulauan Marshall, Kepulauan Solomon dan Sri Lanka. Aktiviti bengkel ini melibatkan kuliah, kerja lapangan di pesisir pantai Kuala Terengganu dan amali di dalam makmal. Semasa kerja lapangan, peserta telah didedahkan cara-cara persampelan air dan sedimen masing-masing menggunakan pensampel niskin dan pencekau Smith McIntyre. Penggunaan peralatan saintifik seperti *conductivity, temperature and depth* (CTD) dan cara pensampelan radionuklid di dalam air turut diajar. Di samping aktiviti-aktiviti tersebut, peserta-peserta juga telah dibawa melawat ke makmal penyelidikan INOS dan Institut Akuakultur Tropika (AKUATROP).

Menjadi harapan INOS selaku tuan rumah mengharapkan agar bengkel yang telah dilaksanakan ini dapat menjadi landasan untuk perkongsian ilmu, menambah baik jaringan sedia ada dan menjadi salah satu lagi sumbangan INOS kepada masyarakat ilmuwan. Di samping itu, ia dapat memperkenalkan INOS khasnya dan UMT umumnya ke persada tanah air seterusnya mempromosikan UMT sebagai sebuah universiti yang terkenal dalam bidang oseanografi.



*Aktiviti yang dilakukan semasa kerja lapangan.*



*Bergambar di jeti Syahbandar sekembali dari kerja lapangan.*

# SUKMA XVI

Kuala Lumpur  
2013

## Pelajar UMT Cemerlang Acara Rowing

oleh: **Mohamad Rafee Jusoh**  
Pusat Sukan dan Rekreasi

**P**elajar UMT yang terdiri daripada Saudara Muhammad Shazmir bin Roslan, Mohammad Ikram bin Abd Aziz, Norshazlin binti Che Adnan dan Eleonie Rikan Marten telah mencipta sejarah tersendiri apabila memenangi emas mewakili negeri Terengganu pada kejohanan SUKMA XVI Kuala Lumpur 2013 bermula 29 Jun hingga 7 Julai yang lalu. Kejayaan tersebut dicapai melalui acara *rowing boat eight* sepasukan melalui Saudara Muhammad Shazmir dan Saudara Mohammad Ikram. Manakala Saudari Norshazlin menjuarai acara *double scull* dan Saudari Eleonie mengungguli acara wanita berpasangan. Kejayaan yang luar biasa ini telah mendapat tahniah daripada Naib Canselor UMT, YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo dalam ucapannya semasa Perhimpunan Bulanan UMT pada 16 Julai 2013.

Kejayaan atlet pelajar UMT juga dikongsi sama oleh jurulatih bola sepak wanita SUKMA Terengganu iaitu En. Abdul Jalal bin Abd. Wahid, Pembantu Am Pejabat, Seksyen IM4U Outreach Centre dan Pembangunan Pelajar kerana berjaya memperolehi pingat emas dalam acara tersebut. Hasil usaha gigih beliau sebagai jurulatih pasukan Terengganu yang juga bekas pemain bola sepak Terengganu 1996-1997 dan pasukan JKR Kelantan 2000-2001 telah mengungguli acara bola sepak wanita dalam siri SUKMA kali ini.



*Eleonie Rikan Marten (dua dari kanan) begitu gembira merayakan kejayaan emas acara double scull.*



*Saudara Muhammad Shazmir (paling kiri, baris belakang) dan Saudara Mohammad Ikram (lima dari kiri baris belakang) bergambar bersama pasukan emas boat eight setelah menerima pingat daripada Datuk Setiausaha Kehormat MOM, datuk Shieh Kok Chi (tengah, baris hadapan).*





En. Abdul Jalal bin Abd. Wahid (pertama dari kiri, baris tengah) bersama pasukan bola sepak wanita SUKMA Terengganu.



Norshazlin Che Adnan (kanan) menerima pingat emas acara double scull.



Kejayaan Norshazlin Che Adnan membolehkannya menerima wang tunai daripada pengurusan pasukan SUKMA Terengganu.



Saudari Norshazlin Che Adnan (belakang) menerima ucapan tahniah daripada rakan-rakan pasukan setelah menjuarai emas acara Double Scull.

# UMT sertai Kejohanan SUKANUN VIII 2013

oleh: **Mohd Fadzli Badaudin** | Pusat Sukan dan Rekreasi

**K**ontinjen Universiti Malaysia Terengganu telah menyertai Kejohanan Sukan Persatuan Badan-badan Berkanun Malaysia (SUKANUN) VIII UniMAP pada 24 Jun hingga 2 Julai 2013 yang berlangsung di negeri Perlis Indera Kayangan. SUKANUN VIII ini merupakan kejohanan dwitahunan yang disertai oleh agensi- agensi yang berdaftar sebagai badan berkanun. Pada sesi 2011, UMT telah diberi tanggungjawab menganjurkan Kejohanan Sukan Persatuan Badan-badan Berkanun Malaysia Kali Ke-VII dan menjenamakannya sebagai SUKANUN. Nama tersebut terus digunapakai sehingga sekarang. Kontinjen UMT kali ini disertai seramai 120 orang atlet, urus setia dan pegawai yang diketuai oleh Ketua Kontinjen, Pendaftar Universiti Malaysia Terengganu, En. Mohd Nor Shokri bin Abd. Rahman.

Kejohanan SUKANUN kali ini juga diserikan dengan penglibatan Naib Canselor UMT iaitu Ybhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim bin Komoo yang turut mengambil bahagian selaku atlet golf UMT. Pencapaian kontinjen UMT pada kejohanan kali ini adalah sangat membanggakan. Kontinjen UMT berjaya menduduki tempat ke-22 daripada 70 agensi yang bertanding dengan membawa pulang satu pingat emas daripada sukan golf (kategori net) dan dua gangsa iaitu daripada sukan tenis dan badminton. Tahniah diucapkan kerana mengharumkan nama UMT di arena sukan kebangsaan.



*Kontinjen UMT melakukan acara lintas hormat.*




*Timbalan Naib Canselor (HEPA) UMT, YBhg. Prof. Dr. Anuar Hassan menyerahkan bendera UMT kepada Ketua Kontinjen, En. Mohd. Nor Shokri Abdul Rahman.*



*Sebahagian atlet UMT di Majlis Penyerahan Bendera.*



*Pasukan golf UMT membawa pulang satu pingat emas.*



*Naib Canselor UMT, YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo turut menyertai acara golf.*



*Ketua kontinjen UMT, En. Mohd Nor Shokri Abd. Rahman memerah tenaga dalam acara tenis.*



*Pasukan badminton membawa pulang pingat gangsa.*



*Atlet UMT turut menyertai acara bowling padang.*



*Pasukan tenis UMT mendapat pingat gangsa.*

# Klinik Skuasy KPM@IPT persediaan Kejohanan Sirkuit Skuasy Ke-2



oleh: Siti Noriam binti Yaakob | Pusat Sukan dan Rekreasi UMT  
Nabilah Aishah binti Wahab

Seramai 80 orang telah mengambil bahagian dalam Klinik Skuasy KPM@IPT Siri 1 2013. Turut terlibat dalam menjayakan Klinik Skuasy ini termasuklah 30 orang pelajar daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Pauh, Jitra, Kedah. Program anjuran Pusat Sukan Tumpuan Skuasy oleh Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia telah dilaksanakan dengan jayanya oleh pengasas Akademi Skuasy Sharon Wee Pro bertempat di Kompleks Skuasy Bukit Kachi, Universiti Utara Malaysia (UUM).

Antara penekanan yang diterapkan di dalam Klinik Skuasy ini ialah sejarah sukan skuasy, misi IPT untuk skuasy, pengenalan peralatan, peraturan permainan, teknik pukulan dan lain-lain lagi. Klinik Skuasy yang berlangsung selama satu hari ini telah diketuai oleh ketua jurulatih iaitu Sharon Wee yang juga merupakan bekas pemain elit dan profesional negara. Sebagai selingan, Sharon Wee telah mengambil sedikit masa untuk berkongsi pengalaman dan memberi motivasi kepada setiap



Sharon Wee bergambar bersama pelajar SMK Tanjung Pauh.



Para pengurus pasukan mengambil kesempatan bergambar dengan Sharon Wee.



peserta supaya terus kekal aktif dalam pada masa yang sama cemerlang dalam pelajaran.

“Saya amat berpuas hati dengan penganjuran Klinik Skuasy pada kali ini dan berharap agar terus mendapat sambutan pada Klinik Skuasy yang ke-2 iaitu pada 4-6 Oktober 2013 dan Klinik Skuasy ke-3 pada 21-22 November 2013 akan datang,” kata Tn. Hj. Mohamad Rafee bin Jusoh, Ketua Pusat Sukan dan Rekreasi UMT.

## Kejohanan

Sehari selepas Klinik Skuasy dijalankan, pada 27-30 Jun telah berlangsung Kejohanan Sirkuit Skuasy ke-2. Hasil klinik bimbingan Sharon Wee ini, tampak memberi impak yang positif apabila terdapat wajah-wajah baharu yang menguasai pentas permainan. Dua kategori telah dipertandingkan iaitu Kategori Terbuka Lelaki dan Kategori Terbuka Wanita dan masing-masing telah dibahagikan kepada Division I, II, dan III.

Juara kategori Lelaki Division I telah dimenangi oleh Samuel Chan (HELP), manakala Division II, Kong Eng Seong (TAR UC) dan Division III pula Alvin Ng (HELP). Seterusnya, kategori wanita pula Juara bagi Division I ialah Natasha Ariffin (MSP), Division II, Fatin Norfaezah (UMT) manakala Division III pula ialah Rayveni Asogan (Brickfields College).

Majlis penyampian hadiah ini telah disempurnakan oleh Penolong Setiausaha Bahagian Sukan IPT, En. Kaliyapan a/l Rajakumaran dan Ketua Pusat Sukan UMT, Tn. Hj. Mohamad Rafee bin Jusoh. Hasil temubual dengan Encik Kaliyapan telah menunjukkan bahawa beliau amat berpuas hati dengan penganjuran Klinik dan Sirkuit Skuasy setakat ini dan berharap agar pihak IPT akan terus menyokong pembangunan sukan Skuasy jika ianya bergiat aktif dan mendapat sambutan yang positif.

Kejohanan seterusnya iaitu Sirkuit 3 akan diadakan pada 12-15 September 2013 bertempat di Universiti Kebangsaan Malaysia dan *Grand Finale* pada 21-24 November 2013, bertempat di Universiti Malaya.



*Sharon Wee membimbing para peserta dalam persediaan fisiologi tubuh badan sebelum memulakan latihan skuasy.*



*Ketua Pusat Sukan dan Rekreasi UMT, Tn. Hj. Rafee bin Jusoh, menyaksikan Kejohanan Sirkuit dengan barisan tetamu yang lain.*



*Ketua Pusat Sukan dan Rekreasi UMT, Tn. Hj. Mohamad Rafee Jusoh dan, Penolong Setiausaha Bahagian Sukan IPT, En. Kaliyapan a/l Rajakumaran bergambar bersama para pemenang bagi kategori lelaki.*



*Ketua Pusat Sukan dan Rekreasi UMT, Tn. Hj. Mohamad Rafee Jusoh dan, Penolong Setiausaha Bahagian Sukan IPT, En. Kaliyapan a/l Rajakumaran bergambar bersama para pemenang bagi kategori wanita.*

# Pencapaian Atlet Futsal

## Universiti Malaysia Terengganu

# di **Kejohanan Futsal IPT 2013**

oleh: **Mohd Syafiq Aizat Abdul Aziz** | Pusat Sukan dan Rekreasi

**P**asukan Futsal Lelaki dan Wanita Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah menyertai Kejohanan Futsal IPT 2013 Sirkuit Zon Utara di Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok pada 10-14 April 2013 dan Sirkuit Zon Timur pada 9-12 Mei 2013 bertempat di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Kejohanan anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UiAM) sebagai Pusat Sukan Tumpuan Futsal itu diadakan beberapa sirkit seperti Sirkuit Zon Timur, Utara, Tengah, Selatan serta Sabah dan Sarawak. Kejohanan ini melibatkan lebih 100 buah IPTA, IPTS, Politeknik, dan Kolej-kolej Komuniti seluruh Malaysia yang berada di bawah naungan KPM.

Pasukan futsal lelaki UMT cemerlang pada Sirkuit Zon Utara di UUM, Sintok dengan mendapat naib johan setelah tewas dengan pasukan Kolej Komuniti Pahang serta membawa pulang wang tunai berjumlah RM2,000.00. Kategori wanita pula, pasukan UMT sekadar berpuas hati di tempat ketiga. Futsal Lelaki mengumpul lapan mata pada sirkit ini manakala pasukan wanita UMT sekadar membawa pulang berjumlah RM500.00 dan enam mata. Sistem pengumpulan mata ini bertujuan untuk melayakkan sesebuah pasukan ke *Grand Finale* Futsal IPT 2013 pada bulan Oktober ini.

Sementara itu, Sirkuit Zon Timur di UniSZA pada bulan Mei yang lalu menampakkan peningkatan pasukan futsal wanita UMT lebih cemerlang dengan mendapat johan dan membawa pulang wang tunai berjumlah RM2,000.00 serta 10 mata maksimum. Pasukan futsal wanita UMT ini dibimbing

En. Fadli bin Mamat. Manakala, pasukan futsal lelaki UMT sekali lagi berpuashati dengan mendapat naib johan dan membawa pulang wang tunai berjumlah RM2,000.00 serta lapan mata kejohanan. Pasukan ini dibimbing oleh En. Mohd Syafiq Aizat.

Selepas mengharungi dua sirkit zon, pasukan futsal lelaki dan wanita UMT masing-masing berjaya mengumpul 16 mata seterusnya, layak secara automatik ke *Grand Finale* Futsal IPT 2013 yang akan berlangsung pada Oktober ini di UiAM.



*Pasukan Futsal Lelaki UMT.*



*Pasukan futsal wanita UMT.*

# Renungan

## Kelebihan Pencinta Ilmu


Daripada Saidina Ali bin Abi Talib Karramallahu Wajhah, beliau berkata Rasulullah SAW bersabda:

*“Ilmu itu umpama gudang, dan kuncinya adalah bertanya. Maka hendaklah kamu sering bertanya semoga kamu dirahmati oleh Allah SWT. Sesungguhnya daripada satu pertanyaan itu diberi pahala kepada empat golongan, pertama, orang yang bertanya, kedua guru yang menjawab, ketiga orang yang mendengar jawapan itu, keempat orang yang kasih kepada tiga golongan tersebut ”.*

*-Riwayat Abu Nuaim-*

Kita akan berada dalam golongan yang terbaik sekiranya kita sering berada dalam empat kelompok tersebut, kita masih beruntung sekiranya kita adalah satu kelompok sahaja dari empat golongan tersebut. Namun kita adalah orang yang malang sekiranya kita tidak pernah terlibat dalam mana-mana empat kelompok tersebut.

Ustaz Kasyifullah Abd. Kadir  
Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, FPS.



#### Business and Management Series Vol-4

Editor : Mahadziah Mohamad et. al  
ISBN : 978-967-0524-17-2  
Year : 2013



#### Analisis Data dengan Statistik Asas

Pengarang : Mohd Lazim Abdullah dan Wan Muhamad Amir W Ahmad  
ISBN : 978-967-0524-18-14  
Tahun : 2013



#### BBB 3202 Bahasa, Budaya dan Masyarakat

Pengarang : Noor Rohana Mansor  
ISBN : 978-967-0524-09-2  
Tahun : 2013



#### Laporan Projek Penyelidikan Kajian Asas Kedudukan Bahasa Melayu di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia

Pengarang : Sekretariat Pusat Majlis Bahasa Melayu IPT Nusantara LMT  
Tahun : 2013




#### Module de BBB 3600 (Douzieme Version)

Editor : Dr. Muadililah Syed Ahmad  
ISBN : 978-967-0524-11-5  
Year : 2013



#### Laporan Forum Antarabangsa Bahasa Melayu

Pengarang : Sekretariat Pusat Majlis Bahasa Melayu IPT Nusantara LMT  
Tahun : 2013



#### Introduction to Basic Statistics for Engineers

Editor : Wan Muhamad Amir W Ahmad et.al  
ISBN : 978-967-0524-16-0  
Year : 2013



#### Rumah Komuniti: Program Pemuliharaan Penagih Dadah Separa Pulih dalam Masyarakat

Pengarang : Ruhani Mat Miry  
ISBN : 978-967-0524-20-7  
Tahun : 2013



#### Pengenalan Lukisan Reka bentuk Berbantu Komputer Autocad

Pengarang : Mohd Azlan Musa dan Wan Mohd Norsani Wan Nik  
ISBN : 978-967-0524-19-1  
Tahun : 2013



#### Tahap Berfikir dalam Bahan Kurikulum Bahasa

Pengarang : Noor Rohana Mansor  
ISBN : 978-967-0524-21-4  
Tahun : 2013